

NO. KAD PENGENALAN:

					-			-			
--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA: TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
SEJARAH TINGKATAN 5

Kertas 2

2 jam 30 minit



1249/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan dan sekolah anda pada petak yang disediakan
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi **10** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak.

1249/2 © 2026 Hak Cipta MPSM Selangor

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**



Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Keunggulan sistem pentadbiran dan kewujudan undang-undang menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan yang terkenal.

(a) Nyatakan Pembesar Berempat yang melaksanakan pentadbiran pusat Kesultanan Melayu Melaka.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Undang-undang Laut Melaka dalam Kerajaan Melayu Melaka berfungsi?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Mengapakah penguatkuasaan undang-undang yang tegas penting bagi rakyat pada masa kini?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

(a) Nyatakan **dua** peringkat pilihan raya di Tanah Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Terangkan perkembangan pilihan raya di 2 (a).

.....
.....
.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan pilihan raya di negara kita.

Undi 18 diwartakan, kuat kuasa 15 Disember 2021

SHAH ALAM – Pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun di negara ini dan pendaftaran pemilih secara automatik telah diwartakan sebagai P.U.(A) 433/2021 dan P.U.(A) 434/2021 secara rasmi pada Rabu.

Sumber ubah suai: <https://www.sinarharian.com.my/>

Pada pandangan anda, adakah langkah pendaftaran pemilih secara automatik memberi kebaikan kepada proses pilihan raya negara?

.....
.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]

3 Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu Melaka dan kemudiannya disesuaikan dengan prinsip undang-undang Inggeris.

(a) Nyatakan dua undang-undang negeri Melayu.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Terangkan sejarah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) "Kalau mahu selamatkan negara ini, biar semua anak kita menguasai pengetahuan asas tentang Perlembagaan dan Sejarah."

Sumber: Ucapan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Majlis pelancaran Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026-2035, 20 Januari, 2026.

Ulaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri terjalin dalam pelbagai bentuk bagi memberikan manfaat kepada kesejahteraan rakyat.

(a) Nyatakan **dua** bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Kerajaan Persekutuan bekerjasama mewujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah dengan Kerajaan Negeri.
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Sebagai rakyat yang cinta akan negara, jelaskan cara mengekalkan keselamatan negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani antara British dengan Raja-raja Melayu pada 1 Februari 1948.

(a) Jelaskan ciri-ciri perjanjian dari aspek berikut.

(i) Pentadbiran

[3 markah]

(ii) Kewarganegaraan

[3 markah]

(b) Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?

[6 markah]

(c) Pantun berikut boleh dikaitkan dengan keharmonian kaum di negara kita.

Pipit murai terbang bertiga,
Samudera luas tidak terkira;
Cicit moyang tetap berbangga,
Negara kita aman sejahtera.

Kalau meniup seruling bambu,
Siapa yang ikut akan terbuai;
Kalau hidup saling membantu,
Mana yang kusut akan selesai.

Kata tua kata bermalu,
Malu berbuat kerja menyalah;
Hina bangsa kerana berseteru,
Seteru membuang berpecah belah.

Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau,
Dewan Bahasa dan Pustaka (2016).

Jelaskan mesej yang terkandung dalam rangkap pantun tersebut.

[8 markah]

6 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(a) Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menjalankan peranannya?

[4 markah]

(b) Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[8 markah]

(c) Teliti keratan akhbar berikut.

KELUHURAN PERLEMBAGAAN IKAT PEMIMPIN, RAKYAT LAKSANA TANGGUNGJAWAB



"Keluhuran Perlembagaan adalah prinsip bahawa kuasa kerajaan diperoleh daripada dan dihadkan oleh badan undang-undang asas. Dalam erti kata lain, tiada seorang rakyat atau pemimpin berhak membuat apa-apa keputusan tanpa merujuk kepada Perlembagaan negara. Di negara ini, konsep keluhuran Perlembagaan adalah teras kepada sistem demokrasi melindungi hak asasi dan melaksanakan prinsip kesejahteraan rakyat"

Sumber: Diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my/>

Beri ulasan anda.

[8 markah]



7 Rajah berikut berkaitan ciri demokrasi dalam Perlembagaan Malaysia.



- (a) Jelaskan pengasingan kuasa yang dilaksanakan dalam sistem pemerintahan. [6 markah]
- (b) Sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara kita mempunyai keunikan tersendiri. Huraikan. [6 markah]

- (c) Teliti poster berikut.



Sumber: <https://www.penerangan.gov.my>

Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 8 Rukun Negara adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan. Ideologi ini dibentuk ekoran daripada peristiwa rusuhan antara kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 di negara kita.

(a) Mengapakah berlakunya rusuhan tersebut?

[4 markah]

(b) Bagaimanakah Rukun Negara memainkan peranan dalam memastikan peristiwa rusuhan kaum tidak berulang di Malaysia?

[8 markah]

(c) Teliti petikan kata-kata berikut.

“13 Mei merupakan satu pengalaman dan pengajaran yang tidak dapat kita semua lupakan buat selama-lamanya, kerana kejadian itu dapat menunjukkan kepada kita semua tentang bahaya-bahaya yang boleh timbul sekiranya kita terlampau lalai atau cuai.”
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

“Pergolakan dan pergaduhan yang telah dan berlaku di sebilangan negara lain disebabkan bukan sahaja kerana pertelingkahan antara kaum, bahkan juga kerana pertelingkahan antara rakyat daripada kaum yang sama.” Tun Dr. Mahathir Mohamad

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna tanggungjawab untuk mengamalkan Rukun Negara itu bukan sahaja terletak pada para pelajar dan murid-murid sekolah. Anggota-anggota dewasa, ibu bapa, pemimpin kaum, guru-guru dan seterusnya orang ramai, mempunyai tanggungjawab yang sama untuk memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip rukun negara” Tun Abdul Razak

Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara
Abdul Rahman Abdul Aziz

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

9 Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas dan memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

(a) Mengapakah Malaysia menyertai kerjasama hubungan ekonomi berikut?

(i) ASEAN Free Trade Area - AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)

[3 markah]

(ii) Asia -Pacific Economic Cooperation - APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik)

[3 markah]

(b) Jelaskan usaha Malaysia membangunkan ekonomi di serantau dan antarabangsa melalui:

(i) Kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga

[3 markah]

(ii) Mengantarabangsa sistem kewangan Islam

[3 markah]

(c) Poster berikut berkaitan dengan kerjasama strategik Malaysia dan India dalam ekonomi.



Sumber: Bernama, 18 Februari 2026

Berikan komen anda.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT